

# Terlalu ramai pengusaha baru dlm industri perfileman di negara ini

209

# Mahathir curiga

UM 12 APR 1980

**KUALA LUMPUR 11 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan kecurigaannya terhadap penyertaan terlalu ramai pengusaha baru, terutama bumiputera, dalam industri perfileman di negara ini.**

Beliau bimbang keadaan ini akan mencetuskan persaingan yang tidak sihat memandangkan mereka yang terlibat tidak mempunyai apa-apa pengalaman serta modal yang mencukupi.

"Pembanjiran seperti ini akan mencetuskan persaingan yang tidak sihat dan kerugian kepada semua pihak, termasuk mereka yang betul-betul serius dan mempunyai latar belakang yang sesuai," katanya.

Timbalan Perdana Menteri menyatakan pandangannya ini

dalam 'kata-kata aluan' di buku cenderamata Festival Filem Malaysia yang pertama 1980 anjuran Persatuan Wartawan Hiburan Malaysia dan Malam Merak Kayangan yang diadakan sempena festival itu.

Festival filem itu dirasmikan oleh Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat di Pawagam Federal di sipi malam ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan akan menimbangkan tiap sokongan di samping menjalin kerjasama yang erat.

"Tetapi apa yang perlu ialah minat dan dedikasi dari mereka di dalam industri perfileman itu sendiri," tambahnya.

Beliau yakin dengan usaha Persatuan Wartawan Hiburan menganjurkan festival itu, masa depan bidang perfileman di negara ini cukup cerah dan akan mencapai kejayaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir ber-

harap usaha yang dijalankan ini mendapat sokongan dari segenap pihak yang ingin melihat mutu perfileman di negara ini semakin meningkat setaraf dengan filem antarabangsa.

Dunia perfileman Melayu telah bermula lebih kurang 30 tahun, tetapi disebabkan beberapa perkara ia tidak berkembang pesat sehinggalah pertengahan tahun 70an.

"Kini nampaknya industri ini telah mempunyai banyak peminat serta juga mereka yang benar mahu memupuk dan memperkembangkan bidang ini supaya ianya terus mencapai sepenuh kejayaan," katanya.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat dalam kata-kata aluannya berharap suatu persaingan yang sihat akan wujud di kalangan syarikat pengeluar filem Malaysia, khususnya, filem-filem Melayu.

Ini memandangkan filem-filem Melayu pada hari ini sedang berada di era kemajuan dan pertumbuhan yang sangat baik, tambahnya.

Beliau berkata, sambutan rakyat berbilang kaum terhadap filem-filem Melayu sejak akhir-akhir ini, adalah sangat menggalakkan.

"Ini meyakinkan kita bahawa filem-filem Melayu masih mempunyai pasaran yang baik dan masih mempunyai tempat di hati dan sanubari rakyat jelata," katanya.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Abdul Samad Idris yakin dengan festival yang diadakan ini akan terbuka era baru bagi perfileman Malaysia.